

Dalam Negeri

Kenyataan rakyat Malaysia diawasi

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

PETALING JAYA 4 Nov. — Kerajaan sentiasa mengawasi kenyataan yang dibuat oleh rakyat Malaysia termasuk Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah di luar negara, kata Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr. Abdullah Fadzil Che Wan.

Beliau berkata, laporan awal mengenai tindakan Tengku Razaleigh di luar

negara sedang dikumpulkan dan akan diserahkan kepada Wisma Putra secepat mungkin.

Pada kebiasaannya, kata Dr. Abdullah, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh rakyat Malaysia di luar negara terutama ahli-ahli politik akan direkodkan oleh kedutaan Malaysia di negara berkenaan dan laporan akan dihantar kepada Wisma Putra untuk dianalisis.

"Kerajaan sentiasa prihatin mengenai kenyata-

an-kenyataan yang dibuat oleh rakyat Malaysia di luar negara terutamanya kepada media massa negara berkenaan," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Kursus Latihan Diplomatik (Antarabangsa), di sini hari ini.

Beliau mewakili Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Institut Diplomatik dan Hubungan Luar Negara (IDHL) Malaysia, Ghazali Sheikh Abdul Khalid.

Tindakan terbaru Tengku Razaleigh baru-baru ini ialah menyebarkan desas-desus kononnya berlaku perselisihan faham antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Dr. Mahathir, fitnah itu sengaja disebar oleh Tengku Razaleigh.

Dr. Abdullah berkata, mereka yang dapat berfikir dengan rasional mengetahui bahawa dakwa-

an-dakwaannya itu sebenarnya palsu kerana tidak ada sesiapa yang dapat menafikan kemantapan Malaysia di bawah kepimpinan yang ada sekarang.

"Mereka mengetahui bahawa dakwaan-dakwaannya itu sengaja dilemparkan oleh orang yang kecewa dengan kejayaan Malaysia sekarang," katanya.

Beliau menegaskan, sehingga kini kesan daripada tindakan golongan yang tidak bertanggungjawab itu tidaklah ketara



DR. ABDULLAH Fadzil bersalaman dengan peserta dari Kemboja, Chay Song Seng yang mengikuti Kursus Latihan Diplomatik (Antarabangsa) selepas majlis perasmian kursus itu di Petaling Jaya, semalam.

dan penjelasan hanya akan dibuat jika keadaan memerlukan sahaja.

Sementara itu, kursus yang dirasmikan hari ini

dihadiri oleh 26 peserta daripada 10 negara anjuran IDHL.

Kursus selama dua bulan itu bertujuan men-

dedahkan para peserta pelbagai aspek berkaitan bagi membolehkan mereka menjadi pegawai diplomatik nanti.